

**PENGHASILAN MODUL PEMBELAJARAN PENSTAFAN BAGI MATA
PELAJARAN PENGURUSAN PERNIAGAAN :
SATU KAJIAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON**

NOR SALMAWATI ABD. KARIM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2003



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

DEDIKASI

Berbanyak terima kasih buat ayahanda yang disanjung **Hj. Abd. Karim Bin Md Sarin**, bonda tercinta **Hjh. Normah Bt. Adam** di atas kasih sayang dan pengorbanan yang dicurahkan. Tidak lupa juga buat **Kak Long** sekeluarga, **Kak Ngah** sekeluarga, **Kak Tie**, **Kak Wai** sekeluarga, **Bang Jep** sekeluarga, **Zaham** dan **Shasha** sokongan kalian amatku hargai. Buat pensyarah-pensyarah, kawan-kawan serumah, kawa-kawan sekelas seksyen tiga (3) dan seluruh warga sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO, sekalung terima kasih



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin memberikan sekalung penghargaan kepada penyelia Projek Sarjana, Tn. Hj. Suhaimi Makminin di atas segala tunjuk ajar yang telah beliau berikan kepada pengkaji sepanjang tempoh penyeliaan beliau. Berkat kesabaran dan ketekunan beliau tidak dapat dinilai dan masa yang beliau korbakan semata-mata untuk menyelesaikan kekusutan pengkaji amatlah dihargai.

Seterusnya pengkaji juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pn. Nooraini Bt. Kamarudin, pensyarah mata pelajaran Pengurusan Perniagaan, Politeknik Port Dickson di atas komen dan cadangan yang beliau berikan semasa menyediakan modul pengajaran sendiri ini.

Kepada responden kajian, terima kasih kerana telah membantu pengkaji serta memberikan kerjasama yang sangat memberangsangkan untuk pengkaji melaksanakan kajian ini.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menghasilkan Modul Pembelajaran Penstafan di Politeknik Port Dickson bagi mengenal pasti aspek-aspek seperti mesra pengguna dan menarik minat. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik bagi mengenal pasti terhadap tahap kesesuaian modul yang dibina. Seramai 46 orang responden telah dipilih bagi menjawab soalan soal selidik. Perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 11.0. digunakan bagi menganalisa data yang diperolehi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa modul yang dihasilkan sesuai dari aspek mesra pengguna dan menarik minat pelajar,



PTAA
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

ABSTRACT

This research is to produce a learning module of Staffing to determine the suitability level of that module base on the user-friendly and interest at Polytechnic Port Dickson. These modules are evaluated by using a questionnaire to analyze the data collected by using Statistical Package for Social Science (SPSS) software Version 11 for windows. The total of sample are 46 students from Diploma in Marketing. From the finding it shows that the module is suitable to be use for the student in learning process base on the user-friendly and interest.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan.	1
1.1	Latar belakang Masalah.	2
1.3	Pernyataan Masalah.	4
1.4	Persoalan Kajian.	4
1.5	Objektif Kajian.	
	1.5.1 Objektif Umum	5
	1.5.2 Objektif Khusus	5
1.6	Kerangka Teori	6

1.7	Kepentingan Kajian.	7
1.8	Skop Kajian	8
1.9	Definasi Istilah	8

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan.	10
2.2	Perbandingan pembelajaran tradisional dan modul pengajaran dan pembelajaran	11
2.3	Modul Pengajaran dan Pembelajaran sebagai ABBM	14
2.4	Keperluan modul dan proses pengajaran dan pembelajaran	15
2.5	Modul Pembelajaran	17
2.6	Ciri-ciri Modul Pengajaran dan Pembelajaran	18
2.7	Garis Panduan Modul	20
2.8	Kebaikan Modul Pengajaran dan Pembelajaran	21
2.8.1	Manfaat penggunaan modul kepada pensyarah	22
2.8.2	Manfaat penggunaan modul kepada pelajar	22
2.8.3	Manfaat kepada Institusi	23
2.9	Teori Pembelajaran	24
2.10	Kajian Lepas mengenai modul	26



PTU UNIVERSITI TUNJUNGAN AMINAH

BAB 3 KAJIAN LITERATUR

3.1 Pendahuluan	28
3.2 Rekabentuk Kajian	28
3.3 Populasi dan Persempelan	29
3.4 Instrumen Kajian	29
3.4.1 Borang soal selidik	30
3.4.2 Mentadbir soal selidik	31
3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan	32
3.6 Analisis Data	33

BAB 4 REKA BENTUK PRODUK

4.1 Pendahuluan	34
4.2 Latar belakan teori penghasilan produk	34
4.3 Objektif modul dihasilkan	36
4.4 Kandungan Modul	37
4.5 Reka bentuk produk	39
4.5.1 Bentuk dan ciri-ciri produk	40
4.5.2 Kronologi Pembinaan Modul	40

BAB 5 DAPATAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.0 Pendahuluan	43
5.1 Analisis Statistik	43
5.2 Responden kajian	44

5.3 Penilaian Modul Pembelajaran	44
5.4 Latar Belakang Responden	45
5.4.1 Jantina	46
5.4.2 Bangsa	47
5.4.3 Kelulusan Akademik	49
5.4.4 Pengajaran Bermodul	50
5.5 Penilaian Modul Pembelajaran	51
5.5.1 Mesra Pengguna	51
5.5.2 Menarik Minat	53
5.6 Analisis Perbandingan Min	55
5.7 Penutup	56

BAB 6 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan	57
6.1 Perbincangan	58
6.2 Cadangan	59
6.3 Kesimpulan	60
6.4 Penutup	61

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
	SENARAI JADUAL	
2.1	Perbandingan pembelajaran tradisional dan Modul	11
5.1	Jadual Tafsiran Min	45
5.2	Taburan reponden mengikut jantina	47
5.3	Latar belakang bangsa responden	47
5.4	Penilaian modul dari aspek mesra pengguna	52
5.5	Penilaian modul dari aspek minat	54
5.6	Kesesuaian modul mengikut min	56



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Contoh Output Alpha Crombach
C	Modul Pembelajaran Kendiri Mata Pelajaran Pengurusan Perniagaan Bagi Topik Penstafan



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.

Terdapat pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan di institusi pengajian tinggi mahupun sekolah. Sebagai pendidik guru perlulah menguasai kaedah pengajaran yang berkesan, antaranya adalah seperti kaedah perbincangan, simulasi, projek, modul, main peranan dan lain-lain lagi. Menerusi proses pengajaran dan pembelajaran alat bahan bantu mengajar (ABBM) merupakan satu elemen yang penting dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar.

Menurut Mook Soon Sang (2000), ABBM membolehkan guru menyampaikan pelajaran dengan lebih mudah, lebih menarik dan berkesan, manakala pelajar pula dapat memahami pelajaran dengan lebih bermakna serta boleh menjalankan aktiviti pembelajaran secara sendiri atau kumpulan. Contoh lazim bentuk pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan bahan adalah seperti modul, pengajaran terancang, dan audio tutorial (Ee Ah Meng, 1992).

Menurut Mary dan Jeff (1996), pendidikan memerlukan modul dalam sesuatu mata pelajaran. Penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu perkara baru, tetapi proses ini telah lama dipraktikan khususnya di institusi pengajian tinggi (Azrina bt. Ahmad 2002). Di negara kita kursus-kursus sarjana muda banyak menggunakan modul dengan tujuan menyampaikan konsep-konsep dan fakta-fakta tertentu dan banyak memberi manfaat kepada pelajar.

Kajian ini berhubung dengan menyediakan modul pembelajaran untuk membantu para pelajar dalam proses pembelajaran. Modul yang disediakan adalah untuk para pelajar yang mengambil mata pelajaran Pengurusan Perniagaan. Kajian ini juga berusaha untuk membantu para pelajar memahami dengan lebih mendalam mengenai tajuk Penstafan.

1.2 Latarbelakang Masalah

Menurut Suradi Salim (1989), dalam proses pendidikan yang melibatkan proses pengajaran dan proses pembelajaran di IPT telah menjadi lebih kompleks dan mencabar. Pelajar perlu mempunyai disiplin diri yang kuat. Pelajar-pelajar IPT perlu mencari bahan-bahan bacaan yang lain selain daripada mendengar dan menerima pengajaran dari pensyarah. Menurut Rahil Mahyuddin Habibah (1997), sesebuah modul disediakan bertujuan supaya pelajar belajar dengan sediri berpandukan bahan pembelajaran yang tersusun. Maka pembentukan modul mampu menyediakan maklumat atau ilmu yang tersedia dan terancang supaya pembelajaran pelajar lebih berkesan.

Menurut Packham, Miller dan Cramphorn (2001), penggunaan modul telah diperkenalkan diperingkat pendidikan tinggi dan sering diperbaharui untuk memenuhi keperluan kerana melibatkan sejumlah pelajar yang ramai. Bilangan pelajar dalam sebuah kelas dikatakan berjumlah sehingga 80 orang. Ini dapat dilihat dalam bilangan pelajar bertambah setiap sesi pengambilan di Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1 : Pertambahan bilangan pelajar setiap sesi di Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson.

Kursus	Sesi satu 2000	Sesi dua 2000
Diploma Perakaunan	40 orang pelajar	75 orang pelajar
Diploma Pemasaran	28 orang pelajar	46 orang pelajar

Bilangan pelajar yang ramai di dalam kelas tidak menunjukkan pelajar akan memperolehi maklumat yang sama pada masa yang sama. Ini kerana pelajar dilahirkan berbeza-bebeza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Oleh itu kebolehan dan keupayaan pelajar adalah berbeza untuk memperolehi ilmu pengetahuan (Noor Hamiza Abu Bakar, 2002/2003). Disebabkan oleh perbezaan individu maka pendidik perlulah memastikan setiap pelajar memperolehi maklumat yang sama. Oleh itu menurut Shaharom (1991), menyatakan bahawa para pelajar diberi ruang kebebasan untuk meneruskan proses pembelajaran mengikut kebolehan dan gaya masing-masing untuk menyelesaikan aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam sesuatu modul.

Untuk mengatasi masalah ini, pelajar-pelajar seharusnya didedahkan dengan teknik yang lebih menarik dan berkesan. Oleh itu penghasilan modul ini adalah untuk mengatasi masalah-masalah di atas.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini pernyataan masalah yang dapat dikenal pasti adalah pertambahan bilangan pelajar setiap kali sesi pengambilan. Ini menyebabkan pendidik tidak dapat mengawal kelas dengan baik. Menurut Ee Ah Meng (1997) pendidik tidak dapat memberi penekanan ke atas layanan individu dalam kelas. Ini menyebabkan pelajar yang cerdas gelisah dan bosan, manakala pelajar yang kurang cerdas akan ketinggalan dalam mata pelajaran.

Selain itu kebolehan dan keupayaan pelajar adalah berbeza untuk memperolehi ilmu pengetahuan pada satu-satu masa. Oleh itu memerlukan modul pembelajaran untuk mengatasi masalah ini. Menurut Ausburn (2002), modul dapat menghasilkan pelajar yang berdisiplin sendiri (*self-discipline*) dan meningkatkan motivasi personal.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Adakah Modul Pembelajaran yang dihasilkan bersifat mesra pengguna bagi membantu pelajar memahami tajuk Penstafan?
- ii. Adakah Modul Pembelajaran yang dihasilkan dapat menarik minat pelajar untuk membantu memahami tajuk Penstafan?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian terdiri dari objektif umum dan objektif khusus.

1.5.1 Objektif Umum


Objektif umum adalah pengkaji ingin menyediakan Modul Pembelajaran bagi mata pelajaran Pengurusan Perniagaan bagi Topik Penstafan.

1.5.2 Objektif Khusus

- i. Menghasilkan sebuah Modul Pembelajaran bagi mata pelajaran Pengurusan Perniagaan yang mesra pengguna dalam membantu pelajar memahami topik Penstafan?
- ii. Menghasilkan sebuah Modul Pembelajaran bagi mata pelajaran Pengurusan Perniagaan yang dapat menarik minat pelajar untuk membantu memahami topik Penstafan.

1.6 Kerangka Teori

Dalam kajian yang dijalankan bentuk kerangka teori di gambarkan melalui objektif kajian. Dengan adanya kerangka teori ini, kajian akan menjadi lebih mudah dan sebarang rangka kerja dapat dilaksanakan dengan lancar serta berkesan



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Rajah 1.1 merupakan kerangka teori yang digunakan berlandaskan pada proses penyelesaian masalah oleh Mok Soon Sang (2000) dan Noor Haznida et. all (2001). Melalui proses ini satu bentuk rancangan bagi sesuatu masalah dihasilkan, diaplikasi dan dinilai hasil rancangan tersebut.

Menurut Richardson, (1994 menerusi Packman, Miller dan Cramphorn, 2001) di peringkat pendidikan tinggi modul dapat memberi panduan kepada pelajar untuk membuat latihan di akhir pembelajaran. Dalam kajian ini hasil keluarannya adalah Modul Pembelajaran bagi mata pelajaran Pengurusan Perniagaan untuk topik Penstafan.

1.7 Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian ini boleh dilihat dalam dua pihak utama iaitu:

1.7.1 Pelajar

Para pelajar dapat memahami topik Penstafan dengan lebih mendalam dan dapat meningkatkan kefahaman pembelajaran. Menurut Burns (1971), pelajar boleh belajar mengikut kadar masa masing-masing untuk berjaya. Dengan Modul Pembelajaran ini membolehkan pelajar belajar mengikut masa mereka dan modul boleh digunakan samada di dalam atau luar kelas.

1.7.2 Pensyarah

Bagi para pensyarah pula, Modul Pembelajaran ini dapat membantu dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kita sedia maklum bahawa tugas pendidik bukan mengajar semata-mata malah perlu melibatkan diri dalam tugas-tugas pentadbiran. Oleh itu Modul Pembelajaran ini penting untuk pensyarah kerana dapat meringankan beban tugas mengajar di samping dapat membuat perancangan dengan lebih mudah dalam menyampaikan topik Penstafan.

1.8 Skop Kajian.

Kajian ini telah dilaksanakan di Politeknik Port Dickson dan sampel kajian yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar peringkat Diploma yang mengikuti mata pelajaran Pengurusan Perniagaan.

Kajian ini adalah terhad kepada pemahaman responden pelajar yang terpilih dan mewakili jumlah populasi pelajar di Politeknik. Selain itu penyelidik berpendapat bahawa keputusan yang diberikan oleh responden adalah atas dasar kejujuran dan keikhlasan responden.

Kajian ini dijalankan hanya memfokuskan kepada topik Penstafan. Pemilihan topik ini adalah kerana penyelidik menyedari hakikat bahawa kepentingan topik ini perlu dikuasai oleh para pelajar kerana pelajar yang mengambil Diploma Pemasaran perlu mengetahui topik ini dengan mendalam serta dapat mengaplikasikan dalam persekitaran yang sebenar setelah tamat belajar. Menurut Mohd.Hizam Hanafiah dan Zafir Mohd. Makhbul (2002), perubahan persekitaran khususnya persaingan yang berlaku masa kini memberi kesan terhadap penstafan iaitu proses pengurusan sumber manusia.

1.9 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Antara istilah utama yang digunakan ialah modul, pembelajaran dan sebagainya. Penerangan mengenai istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

i) Modul

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), kursus, pelajaran (latihan dsb) yang dapat dilaksanakan secara sendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran. Menurut Ee Ah Meng (1997), modul merupakan panduan bercetak yang dibentuk untuk memimpin tingkah laku seseorang pelajar dalam mempelajari satu-satu topik atau mata pelajaran. Mengandungi definisi, fakta dan konsep, proses pemikiran, kemahiran serta sikap.

ii) Pembelajaran.

Menurut Ee Ah Meng (1997), pembelajaran boleh difahamkan sebagai proses perubahan tingkah laku yang agak tetap dan berlaku kerana pengalaman atau latihan yang diteguhkan.

iii) Pengurusan Perniagaan.

Merupakan mata pelajaran yang diambil oleh pelajar Diploma semester tiga Jabatan Perdagangan di Politeknik. Kod bagi mata pelajaran ini ialah P 315.

iv) Penstafan

Penstafan bermaksud aktiviti-aktiviti yang berkait dengan pengurusan sumber manusia seperti perjawatanan, latihan dan pembangunan, penilaian prestasi, pampasan dan penamatan bekerja, (Mohd Hizam Hanafiah dan Zafir Mohd Makhbul, 2002). Penstafan adalah merupakan topik dalam mata pelajaran Pengurusan Perniagaan, yang perlu diambil oleh pelajar Diploma Pemasaran di Politeknik Port Dickson.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan.

Dalam bab ini akan menerangkan lebih lanjut akan kepentingan menghasilkan Modul Pembelajaran. Selain itu pandangan dan pendapat yang berkaitan dengan Modul Pembelajaran turut dimuatkan dalam bab ini.

Penggunaan alat bantu mengajar sangatlah digalakkan dalam menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ini adalah bagi menarik minat, mengukuhkan kefahaman serta menyalurkan pengetahuan kepada pelajar. Selain daripada itu pemilihan alat bantu mengajar yang sesuai dapat membantu pensyarah menjalankan aktiviti pengajaran dengan lebih cekap, terancang dan teratur. Oleh itu penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran menjadi pilihan pendidik untuk menjanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan efisien.

2.2 Perbandingan pembelajaran tradisional dan modul pengajaran dan Pembelajaran.

Terdapat banyak usaha untuk memperbaiki lagi kaedah pembelajaran tradisional. Antaranya dengan menggunakan ABBM seperti penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah perbandingan antara pembelajaran tradisional dan pembelajaran bermodul. Menurut Meyer (1998), menyatakan beberapa perbezaan di antara pembelajaran tradisional dan pembelajaran secara bermodul.

Jadual 2.1: Perbandingan pembelajaran tradisional dan modul

Keperluan dalam pembelajaran	Pembelajaran tradisional	Modul pembelajaran	Implikasi
Tempoh masa dan ruang	Pelajar mungkin tidak dapat menerima maklumat dan mencapai objektif dalam masa dan tempat yang sama	Sumber maklumat dan objektif boleh diperolehi dan dicapai dalam masa dan tempat yang sama	Semua aktiviti yang berkaitan perlu disediakan bersama dalam masa dan ruang yang sama. Semua elemen perlu jelas.
Pembelajaran lebih efektif setelah arahan diberikan	Objektif pengajaran sering diabaikan. Pelajar keliru akan kehendak pengajaran	Objektif dinyatakan dengan jelas	Pakej modul perlu menyatakan objektif dalam setiap unit subjek.

Memerlukan 'active participate' dalam kelas	Pelajar pasif dan hanya mendengar dan menanti arahan dari guru	Pakej modul menyediakan 'active participate'. Pelajar belajar memikirkan melakukan kerja	Pakej modul perlu menghasilkan penglibatan yang aktif dan maklum balas supaya lebih interaktif
Pembelajaran berkumpulan membantu pembelajaran individu	Kelas yang besar sukar untuk dikawal dan menerima pengajaran	Pakej modul lebih bersifat individu tetapi boleh membentuk kumpulan	Meneliti modul dengan objektif, aktiviti, ujian dan sebagainya.

Dalam jadual tersebut dinyatakan akan kekurangan yang terdapat dalam pembelajaran tradisional dan ini boleh di atasi dengan penggunaan modul pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu juga elemen-elemen yang penting seperti aktiviti pembelajaran, pengalaman pembelajaran, penguasaan, objektif, penglibatan, persembahan bahan, pengukuhan, peranan guru atau pensyarah, rujukan dan ujian perlu dilihat untuk membandingkan antara pembelajaran tradisional dan pembelajaran bermodul. Menurut Postlethwalt dan Russell (1971, dalam Shahrarom, 1993), mata pelajaran biasanya dinilai secara subjektif atau menyeluruh dalam kaedah pembelajaran secara tradisional. Dalam pembelajaran modul, penilaian dilakukan berdasarkan kepada objektif-objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.

Manakala dalam aktiviti pengajaran biasanya kaedah tradisional adalah berbentuk kuliah dan kerja menulis. Pengajaran dan pembelajaran secara modul pula aktiviti dapat dipelbagaikan menerusi media yang digunakan berdasarkan kepada hasil ujian yang telah dijalankan di peringkat awal penghasilannya.

Bagi kaedah pengajaran secara tradisional, pengajaran berpusatkan kepada pensyarah atau pendidik dan penekanan diberikan kepada pengajaran. Ini amat berlainan daripada pembelajaran secara modul, di mana pembelajaran berpusatkan kepada pelajar. Menurut Ausburn (2002), penggunaan modul merujuk kepada budaya berpusatkan pelajar dengan ini dapat membentuk disiplin diri yang kuat terhadap pelajar.

Elemen seterusnya penguasaan pembelajaran secara tradisional, menumpukan kepada pelajar tertentu untuk berjaya dengan cemerlang, tetapi dengan menggunakan modul, semua pelajar dapat menguasai isi pembelajaran serta objektif yang ditetapkan. Pendapat ini turut disokong oleh Kathryn dan Brain (2001), menyatakan pembelajaran tradisional hanya menghasilkan pelajar yang mengenali permukaan (*surface*) pelajaran, berbanding penggunaan modul pelajar dapat mendalami (*deep learning*) sesuatu perkara.

Kadar kecepatan bagi pembelajaran secara tradisional pula semua pelajar menerima ilmu yang disampaikan adalah pada kadar yang sama, tetapi jika pembelajaran menggunakan modul, setiap pelajar boleh meneruskan pembelajaran mengikut kadar kecepatan masing-masing mengikut kebolehan sendiri.

Pengukuhan dalam pembelajaran tradisional hanya diberikan selepas peperiksaan yang besar, tetapi pembelajaran secara modul ini, pengukuhan akan diberikan secara berterusan selepas unit-unit kecil modul yang dipelajari, (Shaharom dan Yap, 1991).

RUJUKAN

- Abdul Razak Habib, Jamaludin Badusah. (1998). "Penggunaan Komputer Untuk Pembelajaran dan Pengajaran Di Sekolah Menengah." *Jurnal Pendidikan*. **Bil. 23**. m.s 53-64.
- Abdul Razak Mohd Zain, Othman Karim, Ab Zayin Abdullah dan Raudzah Othman (1999). "Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri Dalam Menyelesaikan Masalah Pengiraan Imbangan arus, Voltan dan Rintasan: Sains KBSM Tingkatan 3." *Jurnal Kajian Tindakan*. **Jilid 2** November. Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat.
- Ausburn L.J. (2002). "The Freedom Versus Focus Dilemma In A Customized Self-Directed Learning Environment: A Comparison Of The Perceptions Of Adult And Younger Students." *Community College Journal Of Research And Praticce*. **Bil. 26**. m.s.225-235
- Azrina bt. Ahmad (2002). "Tesis Pembangunan dan penilaian modul pembelajaran kadar kendiri: pembangunan kemahiran dalam penyelidikan." Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Husieen Onn (KUiTTHO).
- Best, J.W & Kahn, J.V (1998). "Reasearch In Education." Massachuchets:Allyn & Bacon. 55-57
- Bednarski et. All (1999). "Building Confidence And Competence:Self-Learning Modules." *MEDSURG Nursing Journal* , **Bil. 8**.
- David Warwick. (1988). "Teaching and Learning Through Modules." Oxford England: Basil Blackwell Ltd.

Dr Anung Haryono (2002). "Self Learning Materials (Module): The Concept and Fonnat." School of Distance Education. Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.

Ee AH Meng (1997). "Pedagogi II Pelaksanaan Pengajaran." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Faizatul Hafilah Abd. Halim (2002). "Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri Prosedur Penubuhan Syarikat Sendiriran Berhad Dalam Usaha Melahirkan Siswazah Usahawan." *Tesis Pendidikan Sarjana*. KUiTTTHO.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamarudin Hj. Husin, (1990). "Pedagogi 2." Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Kathryn M. & Brian W.J. (2001). "Interactive Learning In Higher Education Level 1 Mechanics Module." *International Journal Sciene Education*, **Bil. 23**. no. 9. m.s 955-967.

Louise S. & Phyllis G. (2000). "The Challenge Of Adult Literacy: Students With Learning Disabilities In The ABE Classroom." *Adult Basic Education*. **Bil.10**. m.s 147.

Loveland T. (1999). "Adapting Modular Curriculum In The Classroom." *Technology Teacher*. **Bil.58**. m.s. 10-15.

Mary H. & Jeff T. (1996). "An Investigation Of the Effectiveness Of an Evaluation Instrument Design For Use With Modular Masters Couoses In A Range Of International Contexts." *Assessment & Evaluation in Higher Education* . **Bil .21**. m.s 55.

- Meyer G. R (1988). "Modules From Design To Implementation. Second Edition." Manila. The Colombo Plan Staff College For Technician Education,
- Mohd Khatim Hassan. (2000). "Pembelajaran Matematik Di Era Digital: Pendekatan Dan Caranya." Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Yusof Ayob. (1993). "Penggunaan teknologi pendidikan oleh kakitangan sumber dalam pengajaran." *Tesis Sarjana Pendidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faudzi Abd Hamid (1989). "Kaedah Pembelajaran Dengan menggunakan Modul." *Wawasan. Bil. Januari* m.s. 11-19.
- Mohd Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai : Penerbitan UTM.
- Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang . (2002). "Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah)." Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2000). "Pedagogi 2: Pelaksanaan Pengajaran (edisi kedua)." Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Moshe S. & Pinchas T. (1991). "The Expert Case Study Model: An Alternative Approach To The Development Of Teacher Education Modules." *Journal Of Education For Teaching. Bil. 17* m.s 165
- Dr. Maizurah Omar dan Dr Fattami Mokhtar. (2000). "Penggunaan Televisyen Dalam Pengajaran Bilik Darjah." Universiti Sains Malaysia

Noor Haznida Bt. Bakar, Nor Lian Bt. Mohd Nordin & Siti Zawiyah Bt. Husain (2001).
“Tesis Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar
(ABBM) Di Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat”. Kolej Universiti Teknologi
Tun Hussein Onn: *Tesis Ijazah Sarjana*.

Nur Dzai. (1984). *Utusan Malaysia* Khamis 5 Julai melalui : Percetakan Utusan Melayu

Nor Rizan Mohd Idris. (2002). “Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Pengiklanan
(MPP) Di Politeknik Port Dickson.” Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein
Onn: *Tesis Ijazah Sarjana*.

Packham G., Miller C. & Cramphorn C. (2001). “Module Development Through Peer-
Assisted Student Support: An Initial Evaluation.” *Mentoring & Tutorial*. **Bil. 9**,
no. 2.

Quek Phang Hwee. (2002). “Modul Pengajaran Multimedia Bahan Kimia Untuk
Pengguna, KUSTEM.” UPM. *Tesis Ijazah Sarjana Muda*.

Razali Nor (1995). “Teknologi Pendidikan 2 Media Unjuran dan Media Elektronik.”
Kuala Lumpur: Budiman Sdn. Bhd.

Siti Fatimah Azali. (2002). “Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Teori Kos
Pengeluaran Di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan.” Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussein Onn: *Tesis Ijazah Sarjana*

Shahrom Bin Noordin. (1993) “Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri (MPK) dalam
Proses Pengajaran dan Pembelajaran.” *Jurnal Guru*, ms 325-331

Shaharom Bin Noordin dan Dr Yap Kueh Chin (1993). Ke arah Mengindividukan
Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul. *Jurnal Pendidikan Guru*. **Bil 7**. m.s
89-105.

Shaharom. Bin Noordin dan Dr Yap Kueh Chin (1991). "Mereka bentuk dan Menilai modul Pengajaran Kendiri (MPK)." *Jurnal Pendidikan Guru*. **Bil 8**. m.s 17-44.

Sharifah Alwiah Alsagoff. (1986). "Teknologi Pengajaran - Konsep Asas dan Pendidikan Sistem." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka (DI3P).

Sumilah Bt. Marto (1997). "Faktor-Faktor Kekangan Penggunaan Media Elektronik Di Kalangan Guru Pelatih". Unit Teknologi Maklumat Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim (MPTI)

Suradi Salim (1989). "Kearah Keberkesanan Pengajaran Di IPT. " *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. **Jilid 13**, hlmn 69-81.

Wan Salihin Wong Abdullah, Hj Mat Jizat Abdol, Mohd Bilal Ali. (1999). "Teknologi Pengajaran Pembelajaran, Anjakan dan pelaksanaannya." Konvensyen Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Wiersma, W. (1995). "Research Method In Education: An Introduction 6th Edition." Needhem Heights : Ally and Bacon.

Yusuf Hahsim (2002). "Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan." Selangor:Penebit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Yusuf Hahsim.(1998) Are Instructional Design Elements Being used in Module Writing?. *Journal Of Educational Technology*. **Bil 30**

